

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

SOALAN NO. 464

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pendaftaran persekolahan kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen berdasarkan jantina, negeri dan jenis sekolah. Bagaimana Kementerian memastikan mereka semua boleh berdaftar dan apakah faktor yang menyebabkan mereka gagal berdaftar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 3 Mei 2019, jumlah keseluruhan murid tanpa dokumen di seluruh negara bagi sekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah seramai 3,655. Daripada jumlah tersebut bilangan murid lelaki adalah seramai 1,850 orang, manakala murid perempuan seramai 1,805 orang.

Kementerian berusaha menyelesaikan masalah kanak-kanak tanpa dokumen untuk diterima masuk ke sekolah rendah bagi meneruskan sesi pembelajaran terutamanya di kawasan luar bandar berdasarkan:

1. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 1 Tahun 2009 bertarikh 11 Mac 2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen yang menjelaskan penerimaan kemasukan kanak-kanak

NO. SOALAN: 464

tanpa dokumen, iaitu anak kepada salah seorang ibu atau bapanya warganegara bersekolah di sekolah kerajaan;

2. Surat Siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2018 bertarikh 15 Januari 2018: Permohonanan Kemasukan Sekolah Murid Bukan Warganegara dengan memberikan tempoh dua tahun kepada ibu bapa atau penjaga menguruskan dokumen pengenalan diri kanak-kanak ini;
3. Menyahut amanat oleh YB Menteri bagi mendaftarkan kanak-kanak tanpa dokumen yang salah seorang ibu atau bapanya adalah warganegara untuk bersekolah; dan
4. Menjalin kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi membantu murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan mendaftarkan kelahiran kanak-kanak tersebut.

RT58/464